



12 AUG, 2020

## 33 notis kompaun dikeluarkan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# 33 notis kompaun dikeluarkan

.....  
**ZARINA ABDULLAH**

**KUCHING:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengeluarkan sebanyak 33 notis kompaun di seluruh Sarawak kerana kesalahan tidak mematuhi garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP).

Menurut Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas, notis kompaun yang telah dikeluarkan adalah di sebanyak 17 di Daerah Kuching, Kota Samarahan (9), Padawan (5), Betong (1) dan Sarikei (1).

“Manakala terdapat lima tangkapan dilakukan kerana tidak mematuhi SOP di premis perniagaan.

“Daripada jumlah tersebut, dua lelaki warganegara Malaysia dari Kuala Lumpur ditangkap di Lapangan Terbang Miri kerana mengelak diri dari dikuarantin.

“Selain itu, dua lelaki warganegara Indonesia telah ditangkap di sebuah café di Kuching dan seorang lelaki warganegara Indonesia ditangkap di sebuah café di Kota Samarahan,” katanya.

Uggah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) berkata demikian pada sidang media perkembangan Covid-19 Sa-

rawak di Dewan Undangan Negeri (DUN) Lama, di sini, semalam.

Mengulas mengenai sekatan jalan raya di antara zon 1 dan zon 3, Uggah menyatakan sebanyak 1,317 jumlah kenderaan telah melalui sekatan di Daerah Simunjan dan Sri Aman tersebut.

“Daripada jumlah tersebut, 1,316 daripadanya telah mendapat kebenaran dan sebuah telah diarah berpatah balik kerana tidak memiliki surat kebenaran.

“Selain itu, PDRM akan terus memperketatkan SOP termasuk pemakaian pelitup muka di tempat awam,” jelasnya.

Uggah menambah, sebanyak 1,797 premis telah dipantau iaitu pasar raya (181), restoran (397), kilang (10), bank (179), pejabat kerajaan (62), penjaja (39), pasar tani/awam (85), tempat ibadah (77), tempat riadah (41), tapak pembinaan (16) dan lain-lain (710) dengan seramai 630 anggota daripada pelbagai agensi terlibat.

“Sementara itu, terdapat enam sekatan jalan raya di lima daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1) dengan sebanyak 865 jumlah kenderaan telah diperiksa,” katanya lagi.



12 AUG, 2020

## 33 notis kompaun dikeluarkan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengeluarkan sebanyak 33 notis kompaun di seluruh Sarawak kerana kesalahan tidak mematuhi garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP). M e n u r u t T i m - balan Ketua Menteri i Datuk Amar Douglas Uggah Embas, notis kompaun yang telah dikeluarkan adalah di sebanyak 17 di Daerah Kuching, Kota Samarahan (9), Padawan (5), Betong (1) dan Sarikei (1).